


Lahirnya Sebuah Negara Bangsa




PERSIDANGAN membincangkan cadangan-cadangan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 20 November 1946 di King's House, Kuala Lumpur. Duduk dari kiri: Sultan Ibrahim (Kelantan) Sultan Abu Bakar (Pahang), Tuanku Abdul Rahman (Negeri Sembilan), Sultan Hishamudin Alam Shah (Selangor), Malcolm Macdonalds, Gabenor Jeneral, Raja Abdul Rashid (Perak), Sultan BadliShah (Kedah), Sultan Ismail (Terengganu), Tuanku Syed Putra (Perlis) dan Tuanku Mahkota Ismail (Johor).
Berdiri baris depan (dari kiri): Datuk Nik Ahmad Kamil Mahmud, tidak dikenali, W.D. Godsall, K.K.O' Conner, Datuk Hamzah Abdullah, A. T. Newbould, Sir Ralph Hone, Raja Kamaralzaman Raja Mansur, Muhammad Sheriff Osman, Datuk Onn Jaafar, Sir Theodore Adams dan Datuk J. Braddell. Datuk Abdul Rahman Muhammad Yasin di belakang Muhammad Sheriff manakala D.C. Watherston di baris belakang (tali leher hitam).




ANGGOTA jawatankuasa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dalam salah satu sidang mereka pada November 1946.




MAJLIS menandatangani perjanjian penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



DATUK Onn Jaafar sebagai Menteri Besar Johor sedang menandatangani perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 di Dewan Mesyuarat, Istana Besar, Johor Bahru bersama pegawai kanan kerajaan British.



DATUK ONN Jaafar (duduk tiga dari kanan) bersama-sama anggota jawatankuasa merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



DATUK Onn Jaafar (tiga dari kiri) pada majlis menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu buat pertama kali pada 26 Mei 1950.



SESI bergambar dengan penasihat British semasa Datuk Onn Jaafar menjadi Menteri Besar di Istana Besar, Johor Bahru, Johor.